



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1492

AKTA ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2015

Tarikh Perkenan Diraja 18 Ogos 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 24 Ogos 2015

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1492

AKTA ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2015

Suatu Akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 185

2. Subseksyen 185(1) Akta Angkatan Tentera 1972 [*Akta 77*] dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (a);

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:

“(aa) hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [Akta 767] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perkataan “perenggan (a)” perkataan “, (aa)”.